

HARIAN METRO 02/10/2021 M/S 09

# 'Apa dosa anak-anak saya?'

## Dua beradik alami lebam, luka seluruh badan selepas didera pengasuh

**"M**engapa mereka sanggup memperlakukan

anak saya seperti ini sedangkan anak-anak saya masih kanak-kanak dan bukan hamba abdi," kata ibu tunggal, M Vikneswari, 30.

Vikneswari berkata, dia tidak sangka dua anak lelakinya berusia enam dan 11 tahun menjadi mangsa dera pengasuh yang merupakan pasangan suami isteri di Selselesa Jaya, Skudai di sini.

Menurutnya, dia hanya

menyedari perbuatan pasangan berusia 30-an itu selepas kedua-dua anaknya dihantar pulang Khamis lalu.

"Luluh hati saya melihat keadaan anak-anak saya dengan kesan lebam, luka hampir di seluruh badan kecuali di kemaluan.

"Mereka menanggung kesakitan dan dalam keadaan lemah serta tidak bermaya seperti orang kebuluran,"

katanya yang membuat laporan polis di Balai Polis Nusa Bestari di sini, pada 29 September lalu.

Vikneswari berkata, dia mengenali pe-

ngasuh berkenaan menerusi rakannya dan dia turut memberi upah RM800 sebulan bagi menjaga anaknya sejak April lalu.

Menurutnya, akibat sibuk mencari rezeki, dia hanya berpeluang menziarahi anaknya tiga kali dalam tempoh itu.

"Suami saya meninggalkan dunia beberapa tahun lalu dan saya adalah ibu tunggal serta bekerja sebagai pembantu restoran.

"Saya memang kerap menghubungi pengasuh bagi mengetahui perkembangan anak dan mereka menyatakan anak sihat.

"Bagaimanapun, sejak kebelakangan ini saya tidak dibenarkan menziarahi anak dan pengasuh memberi pelbagai alasan ter-

masuk menjalani kuarantin sendiri kerana menjadi kontrak rapat pesakit Covid-19.

"Saya bertambah bimbang apabila pengasuh menyatakan seorang anak saya terkena air panas ketika tempoh kuarantin," katanya.

Vikneswari berkata, dia juga dimaklumkan hanya dapat bertemu dengan anak selepas 48 hari.

Selepas berkongsi kecurigaan kepada majikannya, P Anbarasu menyebabkan lelaki berkenaan menasihatkannya untuk membuat laporan polis.

Menurutnya, selepas membuat aduan polis, barulah pengasuh itu memulangkan anaknya dengan menghantar mereka pulang menggunakan khidmat e-hailing ke rumahnya di

bandar raya ini.

Katanya, selepas itu anaknya mula bercerita bahawa dia dipukul dan dcederakan dengan rotan, ditoreh pisau, disimbah air panas serta dicucuh puntung rokok.

"Anak saya kini dirawat di Hospital Sultanah Aminah kerana dikhuatiri mengalami jangkitan kuman kerana luka di hampir seluruh badan.

"Saya berdoa semoga anak-anak kembali sihat dan saya tidak rela berpisah dengan mereka lagi, sekali gus akan memberi jagaan kepada mereka.

"Diharap pihak polis mengambil tindakan sewajarnya ke atas pasangan suami isteri berkenaan," katanya.

Sementara itu, Anbarasu berkata, pihaknya terkilang dengan nasib menimpa pe-

kerja restorannya itu.

"Mereka keluarga susah dan tidak sangka ada yang memperlakukan anaknya sedemikian.

"Keadaan mereka sangat menyayat hati dan diharapkan pengasuh berkenaan dijatuhi hukuman setimpal supaya menjadi pengajaran," katanya ketika dihubungi.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Iskandar Puteri, Asisten Komisioner Dzulkhairi Mukhtar mengesahkan ada menerima laporan berkaitan kejadian itu.

Menurutnya, tiga individu warga tempatan berusia 24 hingga 32 tahun sudah ditahan bagi membantu siasatan.

"Kami masih menjalankan siasatan berhubung laporan berkenaan," katanya ketika dihubungi, semalam.



**Mereka tanggung  
kesakitan, lemah  
serta tak bermaya  
seperti orang  
kebuluran**  
M Vikneswari



**KESAN** luka  
pada badan  
dialami seorang  
daripada dua  
beradik yang  
dipercayai  
menjadi mangsa  
dera pengasuh  
di Selesa Jaya,  
Skudai.

